

UNTUK SIARAN SEGERA

PEN: 09/2023/01 (JAPEN)

INSENTIF REBAT RAHMAH PENGAMAL MEDIA

PUTRAJAYA, 7 September 2023 – Sempena Hari Malaysia 2023, pengamal media akan menikmati Insentif Rebat RAHMAH Pengamal Media seperti yang telah diumumkan oleh Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil pada 29 Ogos 2023 yang lalu.

Insentif Rebat RAHMAH Pengamal Media ini ialah tawaran rebat bil telefon pelan pascabayar (*postpaid*) bagi bil bulan September 2023 secara *one off* kepada pengamal media yang mempunyai Kad Perakuan Media Jabatan Penerangan Malaysia dan berstatus **warganegara Malaysia** sahaja.

Pengamal Media yang layak perlu mengemaskini nombor telefon pascabayar (*postpaid*) dan maklumat lain yang berkaitan dengan log masuk ke akaun sistem e-Media Jabatan Penerangan Malaysia masing-masing di pautan <https://emedia.penerangan.gov.my/> **sebelum atau pada 10 September 2023 (Ahad)** untuk menikmati Insentif Rebat RAHMAH Pengamal Media ini.

Pihak pengamal Media juga dinasihatkan untuk menyemak tarikh luput atau tempoh sah laku Kad Perakuan Media Jabatan Penerangan Malaysia masing-masing untuk menerima insentif rebat tersebut.

Pemberian rebat ini hanya terhad kepada bayaran komitmen bulanan sahaja tertakluk kepada Terma dan Syarat dari syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi (telco) yang terlibat iaitu TM (Unifi Mobile), CelcomDigi, Maxis, U Mobile dan YTL Communications (Yes).

Maklumat lanjut Insentif Rebat RAHMAH Pengamal Media boleh didapati melalui soalan lazim (FAQ) di pautan <https://www.kkd.gov.my/awam/faq>.

**Bahagian Media dan Komunikasi Korporat (BMKK)
Jabatan Penerangan Malaysia**